

“ Sama ada Noraseela suka atau tidak, dia perlu pulang ke Malaysia. Lagipun, pasukannya dan jurulatihnya dari Jerman yang kini berada di Afrika Selatan akan mula kembali ke negara mereka untuk penyertaan di Eropah bulan ini. Maka, dia akan keseorangan di sana”

M Magendran

Pegawai Penyelaras Olahraga MSN



Seela masih belum layak

Diarah berlatih di Bukit Jalil untuk cuba nasib ke Berlin

Oleh Lukman Salleh
lukmsal@bharian.com.my

PERGURUAN enam bulan Noraseela Khalid (**gambar**) di Pretoria akan berakhir 22 Jun ini dengan pelari 400 meter berpagar wanita itu masih belum dapat melepasi syarat kelayakan ke Kejohanan Olahraga dunia di Berlin, dan penaja utama sepanjang latihan di ibu negara Afrika Selatan itu - Majlis Sukan Negara (MSN) - sudah keberatan menyambung programnya.

Justeru, MSN tidak mempunyai alternatif belum melainkan mengarah peme-gang rekod kebangsaan

400m itu kembali menyambung latihan di Bukit Jalil dan terus mencuba untuk menempah tiket ke Berlin.

“Semasa MSN bersetuju membiayai latihan Noraseela di Afrika Selatan, syarat utama ialah dia perlu melepasi syarat kelayakan ke Kejohanan Dunia di Berlin,” kata Pegawai Penyelaras Olahraga MSN, M Magendran. “Ini adalah pemahaman antara MSN dan Noraseela.

“Malang sehingga hari ini dan berdasarkan maklumat yang diterima MSN, Noraseela masih belum dapat menempah tiket ke Berlin.

“Oleh yang demikian, buat masa ini MSN tidak bercadang untuk memanjangkan latihannya di Pretoria selepas 22 Jun ini, iaitu tempoh cukup enam bulan perguruaannya di Afrika Selatan.

“Sama ada Noraseela suka atau tidak, dia perlu pulang ke Malaysia. Lagipun, pasukannya dan jurulatihnya dari Jerman yang kini berada di Afrika Selatan akan mula kembali ke negara mereka untuk penyertaan di Eropah bulan ini. Maka, dia akan keseorangan di sana”.

Sepanjang enam bulan di Pusat Prestasi Tinggi, Universiti Pretoria, cata-

tan terbaik Noraseela ialah 56.76 saat, yang kurang 0.21 saat daripada syarat kelayakan ke Berlin, 56.55 saat dalam kategori B.

Mengikut perancangan asal, selepas perguruan di Pretoria, Noraseela bersama-sama dengan beberapa kumpulan atlet terpilih Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) sepatutnya mula menjalani latihan di Mannheim, Jerman dan mengambil bahagian dalam beberapa siri pertandingan di Jerman.

Tetapi rancangan itu terpaksa dibatalkan gara-gara penularan wabak Influenza A (H1N1).